



مجلس شوبن دارن سلايغ
Majlis Perbandaran Selayang

DOKUMEN SEBUTHARGA

NO. SEBUTHARGA : MPS/SH/110/25
TARIKH JUAL : 18 APRIL 2025
TARIKH TUTUP : 24 APRIL 2025 (12.00PM)
HARGA : RM80.00

**CADANGAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR
PANEL BAGI PERKHIDMATAN *PEST CONTROL
OPERATOR* (PCO) DI DALAM KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN
SELAYANG TAHUN 2025/2026**

PELAWAAN SEBUTHARGA

CADANGAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR PANEL BAGI PERKHIDMATAN *PEST CONTROL OPERATOR (PCO)* DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2025/2026

1. Tawaran adalah dipelawa daripada syarikat yang dikenalpasti dan berpengalaman dalam bidang kerja yang ditawarkan serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di dalam **Kod Bidang : 220901 - Perkhidmatan > Pengawalan Dan Pengawasan > Kawalan Serangga Perosak , Anti Termite** mempunyai **Lesen Pengendali Kawalan Makhluk Perosak** dari **Jabatan Pertanian, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** dan **Majlis Perbandaran Selayang (MPS)** termasuk beralamat di dalam Negeri Selangor.
2. **No. Sebutharga : MPS/SH/110/25**
3. Dokumen Sebut harga yang berharga **RM80.00 senaskah** (Ringgit Malaysia : **Lapan Puluh Sahaja**). Dokumen Sebut harga boleh dimuat turun melalui laman sesawang <https://tenderselangor.my> dan hendaklah dibukukan/didokumentasikan (**Resit Pembelian perlu disertakan bersama tawaran sebut harga yang dikemukakan**).
4. Naskah Dokumen Meja Tawaran akan dipamerkan mulai **18 April 2025** semasa waktu pejabat seperti berikut:-

| | | | |
|---------------------|-------------|---|-------------------|
| Isnin hingga Jumaat | 8.30 pagi | - | 12.15 tengah hari |
| | 2.45 petang | - | 4.45 petang |
5. Tawaran ini akan ditutup pada **24 April 2025**.
6. Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran berserta dengan **Profil Syarikat** yang lengkap dengan **salinan surat tawaran pengalaman/kerja semasa yang berkaitan** di :

Majlis Perbandaran Selayang
Jabatan Kontrak & Ukur Bahan, Tingkat 6,
Persiaran 3, Bandar Baru Selayang,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Sekian dimaklumkan.
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Selayang

**SENARAI SEMAKAN
(BEKALAN / PERKHIDMATAN)**

Sila tandakan / Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

| Bil. | Perkara/Dokumen | Untuk Ditanda Oleh Pihak Syarikat / Kontraktor | Untuk Ditanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Sebutharga |
|------|---|--|--|
| 1 | Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 2 | Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 3 | Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 4 | Borang Sebutharga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 5 | Borang Maklumat Penyebutharga diisi dengan lengkap termasuk pengalaman / kerja semasa yang dijalankan (Salinan Surat Tawaran perlu dikemukakan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 6 | Borang Akuan Penyebutharga diisi dengan lengkap dan ditandatangani | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 7 | Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 8 | Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir beserta cop dan tanda tangan pengesahan pegawai yang asal | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 9 | Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan) | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 10 | Lain-lain Sekiranya Ada | <input type="checkbox"/> | <input type="checkbox"/> |
| 11 | Penyebutharga DIGALAKKAN menyusun dokumen sokongan wajib seperti di dalam Senarai Semakan dan dilabelkan dengan penanda (<i>tagging</i>) bagi tujuan memudahkan penyemakan oleh ahli Jawatankuasa Pembuka Sebutharga | | |

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

UNTUK KEGUNAAN JABATAN

Jawatankuasa Pembuka Tender/ Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

Tandatangan :
Nama :
Jawatan :
Tarikh :

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN

MUKA SURAT

| | | | |
|------------|---|---|-----------|
| BAHAGIAN A | : | ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA | A/1 - A/5 |
| BAHAGIAN B | : | BORANG SEBUTHARGA / LAMPIRAN Q | B/1 – B/2 |
| BAHAGIAN C | : | SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA | C/1- C/2 |
| BAHAGIAN D | : | SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA BERJAYA | D/1 – D/2 |
| BAHAGIAN E | : | SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA | E/1 –E/8 |
| BAHAGIAN F | : | PEMATUHAN SPESIFIKASI KERJA | 1 - 27 |
| BAHAGIAN G | : | RINGKASAN TAWARAN KESELURUHAN | G/1 |
| BAHAGIAN H | : | JADUAL SENARAI KUANTITI | H/1 - H/2 |
| BAHAGIAN J | : | MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA | J/1 – J/2 |

BAHAGIAN A : ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

1.0 HAK KERAJAAN UNTUK MENERIMA/MENOLAK SEBUT HARGA

Kerajaan adalah tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebut Harga. Keputusan Jawatankuasa Sebut Harga adalah muktamad.

2.0 CARA-CARA MELENGKAPKAN DOKUMEN SEBUT HARGA

2.1 Penyediaan Sebut Harga

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dengan dakwat segala maklumat berikut dengan sepenuhnya:

2.1.1 Harga, tempoh dan tandatangan dalam Borang Sebut Harga/Lampiran Q

2.1.2 Senarai Kerja Dalam Tangan,

2.1.3 Senarai Pengalaman Kerja,

2.1.4 Jadual Kadar Harga (jika ada),

2.1.5 Butir-butir Spesifikasi (jika ada),

2.1.6 Surat Akuan Pembida,

2.1.7 ~~Maklumat kemampuan kewangan dalam bentuk Penyata Akaun Bank yang disahkan oleh Pengurus Cawangan Bank berkenaan untuk 3 bulan yang terakhir, Deposit Tetap, baki nilai Kemudahan Kredit dan nilai Kemudahan Kredit yang layak / akan diperolehi oleh Penyebut Harga daripada Institusi Kewangan¹.~~

2.1.9 Jika berlaku kesilapan dalam mengisi maklumat-maklumat di atas Penyebut Harga hendaklah menandatangani ringkas semua pembedaan.

2.1.10 Kegagalan mengisi / menandatangani Borang Sebut Harga akan mengakibatkan Sebut Harga ditolak.

¹ Bagi kerja melebihi RM200,000 sahaja.

2.1.11 Sekiranya terdapat percanggahan di antara maklumat yang dinyatakan dalam Ringkasan Sebut Harga dan Borang Sebut Harga, maklumat di dalam Borang Sebut Harga diberi keutamaan.

2.1.12 Sekiranya Penyebut Harga didapati memberikan maklumat palsu atau sengaja menyorok atau tidak memberikan mana-mana maklumat yang memberikan kesan negatif terhadap keupayaannya, Sebut Harganya akan ditolak dan tindakan tatatertib akan diperakukan terhadapnya.

2.2 'Integrity Pact'

2.2.1 Penyebut Harga wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida seperti **Borang Akuan Penyebutharga** di mana ia berwaad untuk tidak menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tawaran ini. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

2.2.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen wajib dalam penilaian Sebut Harga. Sekiranya Penyebut Harga gagal mengemukakan Surat Akuan tersebut, Penyebut Harga akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian Sebut Harga.

2.2.3 Penyebut Harga yang berjaya wajib mengemukakan Surat Akuan Pembida Berjaya seperti di **Borang Akuan Penyebutharga Berjaya** beserta dengan Borang Perjanjian Inden Kerja yang telah ditandatangani di mana ia berwaad tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil Syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida ini hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak Syarikat. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

2.3 Penyerahan Dokumen Sebut Harga

2.3.1 Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga. Dokumen tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam peti Sebut Harga pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan dalam Notis Sebut Harga.

2.3.2 Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen tersebut secara pos berdaftar supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

**Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan,
Majlis Perbandaran Selayang,
Persiaran 3,
68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.**

2.3.3 Sebut Harga yang diserahkan selepas masa yang ditetapkan, atas sebarang sebab, tidak akan dipertimbangkan.

2.4 Penjelasan Lanjut

Sekiranya terdapat maklumat dalam Dokumen Sebut Harga yang tidak jelas atau bercanggah, Penyebut Harga boleh menghubungi pejabat yang menjual Dokumen Sebut Harga untuk penjelasan lanjut.

- Jabatan Pengurusan Sia Pepejal dan Kesihatan (JPSPK) - No telefon 03 - 6126 6024
- Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan (JKUB) - No. Telefon 03 - 6126 5838

3.0 TEMPOH PERKHIDMATAN/ PEMBEKALAN

Tempoh Perkhidmatan adalah selama **Satu (1) Tahun dengan pilihan lanjutan Satu (1) Tahun.**

4.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN SEBUT HARGA

Semua perbelanjaan bagi penyediaan Sebut Harga ini hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga sendiri.

5.0 TEMPOH SAH LAKU SEBUT HARGA

Sebut Harga ini sah selama 90 hari dari tarikh tutup Sebut Harga. Penyebut Harga tidak boleh menarik balik Sebut Harganya sebelum tamat tempoh sah laku Sebut Harga. Laporan mengenai penarikan balik Sebut Harga oleh Penyebut Harga akan dikemukakan kepada CIDB/BPKU untuk tindakan.

6.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

Semua Penyebut Harga adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para Penyebut Harga diberi peringatan berikut:

- 6.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan satu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota perkhidmatan awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 6.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan Kontraktor boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

6.4 Mana-mana Penyebutharga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat mengikut spesifikasi yang ditetapkan dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

7.0 PELUPUSAN DOKUMEN

Pihak penyebutharga/tender boleh membuat tuntutan dokumen seburharga/tender yang tidak berjaya dalam tempoh Tiga Puluh (30) hari dari tarikh tamat sah laku sebutbutharga/tender. Sekiranya pihak penyebutharga /petender tidak membuat tuntutan dalam tempoh yang dinyatakan, pihak MPS berhak membuat pelupusan keatas dokumen – dokumen tersebut.

BAHAGIAN B : BORANG SEBUTHARGA/ LAMPIRAN Q

LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)

Bila menjawab, sila nyatakan nombor ini

NO. SEBUTHARGA : MPS/SH/110/25

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR

SEBUTHARGA UNTUK BEKALAN/PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

| | | |
|------------------------------------|--|---|
| Kepada (Nama Syarikat) | | Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh : |
| | | Majlis Perbandaran Selayang, |
| | | Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, |
| | | Persiaran 3, Bandar Baru Selayang, |
| | | 61800 Batu Caves, Selangor. |
| No. Telefon: | | No. Telefon: .03-61265838 |
| No. Pendaftaran dengan Kementerian | | |
| Kewangan: | | Tarikh: |

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan perkhidmatan ini **220901 – Perkhidmatan > Pengawalan Dan Pengawasan > Kawalan Serangga Perosak , Anti Termite.**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan seperti di dalam Dokumen sebutharga **MPS/SH/110/25**
 - 1.2. Arahan pengiriman seperti di dalam Dokumen sebutharga **MPS/SH/110/25**
 - 1.3 Tarikh Tutup sebutharga **24 April 2025.**
 - 1.4. Tender hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor No sebutharga : **MPS/SH/110/25**
 - 1.5. Tender hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang berkenaan di alamat di atas tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada **24 April 2025.**
 - 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah **90** hari selepas tarikh tutup tawaran.

Tarikh:2025

Nama Pegawai : **Zanariah Binti Md Zain**
Jawatan : **Pengarah Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan, MPS**

| BIL. | PERIHAL PERKHIDMATAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH KESELURUHAN (RM) (Dibawa dari jumlah ringkasan) |
|------|---|-----------------------|---|
| | <p style="text-align: center;">Sebutharga Perkhidmatan / Bekalan</p> <p style="text-align: center;">CADANGAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR PANEL BAGI PERKHIDMATAN <i>PEST CONTROL OPERATOR</i> (PCO) DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2025/2026</p> <p>Sila isi harga keseluruhan sahaja di dalam jadual ini. Maklumat terperinci perlu diisi dalam Jadual Senarai Kuantiti.)</p> <p>Sila sertakan sesalinan Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan.</p> | JUMLAH SEBULAN | |

- i. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih tanpa SST 6%; dan
- ii. Tempoh perkhidmatan adalah selama **Satu (1) Tahun dengan pilihan lanjutan Satu (1) Tahun.**

Saya/Kami dengan ini menawar untuk perkhidmatan/ pembekalan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan Penyebutharga :

Nama :

No. K/P :

No. Telefon :

Cop Syarikat :

Tarikh :

BAHAGIAN C : SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA

SURAT AKUAN PEMBIDA

CADANGAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR PANEL BAGI PERKHIDMATAN PEST CONTROL OPERATOR (PCO) DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2025/2026 (MPS/SH/110/25)

Saya,.....No.KadPengenalan
yang mewakili nombor Pendaftaran.....
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Majlis Perbandaran Selayang** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

**BAHAGIAN D : SURAT AKUAN PENYEBUTHARGA
BERJAYA**

SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA

CADANGAN PERLANTIKAN KONTRAKTOR PANEL BAGI PERKHIDMATAN PEST CONTROL OPERATOR (PCO) DI DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG TAHUN 2025/2026 (MPS/SH/110/25)

Saya, No. Kad Pengenalan
yang mewakili..... nombor Pendaftaran.....
dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini:

- i. tidak akan menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam mana-mana Kementerian/Agensi atau mana-mana orang lain, sebagai suapan untuk dipilih dalam mana-mana perolehan; dan
- ii. tidak akan melakukan atau terlibat dengan tipuan bida dalam mana-mana perolehan.

Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati terlibat dalam pakatan tipuan bida dengan syarikat lain berkenaan perolehan di atas atau menawarkan, menjanjikan atau memberikan apa-apa suapan kepada mana-mana orang dalam **Majlis Perbandaran Selayang** atau mana-mana orang lain sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut boleh diambil:

- 2.1 Hilang kelayakan untuk dinilai dan dilantik bagi perolehan di atas; dan
- 2.2 Lain-lain tindakan undang-undang/tatatertib mengikut undang-undang/peraturan perolehan Kerajaan yang berkuat-kuasa.

3. Saya sesungguhnya faham bahawa--

- 3.1 saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat boleh didakwa bagi kesalahan* di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan Kanun Keseksaan [Akta 574] serta boleh dihukum di bawah undang-undang masing-masing atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (i) dalam surat akuan ini; atau
- 3.2 tindakan boleh dikenakan ke atas syarikat di bawah Akta Persaingan 2010 [Akta 712] atas kegagalan saya atau mana-mana orang yang mewakili syarikat ini untuk mematuhi perkara (ii) dalam surat akuan ini. Sekiranya syarikat didapati melanggar peruntukan seksyen 4(2)(d) Akta 712, syarikat boleh didenda tidak melebihi sepuluh peratus (10%) daripada pusing ganti (turn over) seluruh dunia sepanjang tempoh suatu pelanggaran itu berlaku.

4. Sekiranya terdapat mana-mana orang cuba memperolehi atau meminta apa-apa suapan daripada saya atau mana-mana orang yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai dorongan untuk dipilih dalam perolehan seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Saya sedar bahawa kegagalan saya berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah seksyen 25 (1) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] dan boleh dihukum di bawah seksyen 25 (2) akta yang sama, apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya.

5. Saya sesungguhnya faham bahawa syarikat melakukan kesalahan jika seseorang yang bersekutu dengan syarikat** memberikan, menjanjikan atau menawarkan suapan untuk memperolehi atau mengekalkan perniagaan atau faedah dalam menjalankan perniagaan di bawah Seksyen 17A, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda jumlah atau nilai suapan, atau RM1 juta, atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua puluh tahun atau kedua-duanya.

Yang benar,

Tandatangan :

Nama :

No.KP :

Tarikh :

Cap Syarikat :

Catatan:

- (i) *termasuk kesalahan ditetapkan dalam Jadual (Perenggan 3 (a), takrif "kesalahan ditetapkan") Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] yang boleh dihukum di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].
- (ii) **seseorang yang bersekutu dengan syarikat merujuk kepada seksyen 17A (6) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694], iaitu seseorang itu bersekutu dengan organisasi komersial jika dia seorang pengarah, pekongsi atau pekerja organisasi komersial itu atau dia ialah orang yang melaksanakan perkhidmatan untuk atau bagi pihak organisasi komersial itu.
- (iii) Surat Akuan ini hendaklah dikemukakan bersama surat perwakilan kuasa.
- (iv) Takrifan perusahaan di bawah Akta 712 merangkumi syarikat yang terlibat dengan perolehan Kerajaan.

Pihak Syarikat : Penama pada sijil pendaftaran untuk menandatangani Surat ini.

Pihak Kerajaan : Pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri di bawah seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949 untuk menandatangani kontrak.

BAHAGIAN E : SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA

SYARAT-SYARAT SEBUT HARGA UNTUK PERKHIDMATAN

1.0 PEMERIKSAAN KAWASAN

Kontraktor disifatkan telah memeriksa dan meneliti kawasan yang terlibat, jenis perkhidmatan, bahan dan peralatan / jentera / kenderaan yang perlu bagi melaksanakan perkhidmatan, cara-cara berhubung, laluan masuk dan hendaklah mendapatkan sendiri segala maklumat yang perlu tentang risiko, luar jangkaan dan segala hal keadaan yang mempengaruhi dan menjejaskan Sebut Harganya. Sebarang tuntutan yang timbul akibat daripada kegagalan Kontraktor mematuhi kehendak ini tidak akan dipertimbangkan.

2.0 RINGKASAN SEBUT HARGA

- 2.1 Ringkasan Sebut Harga hendaklah menjadi sebahagian daripada Borang Sebut Harga ini dan hendaklah menjadi asas Jumlah Harga Sebut Harga.
- 2.2 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah mengambil kira semua kos termasuk kos pengangkutan, cukai, duti, levi, bayaran dan caj-caj lain yang perlu dan berkaitan bagi penyempurnaan perkhidmatan dengan sepenuhnya.
- 2.3 Tiada sebarang tuntutan akan dilayan bagi pelarasan harga akibat daripada perubahan kos buruh, bahan-bahan dan semua duti dan cukai Kerajaan, sama ada dalam tempoh sah Sebut Harga atau dalam tempoh perkhidmatan.
- 2.4 Harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Kontraktor hendaklah tertakluk kepada persetujuan sebelumnya daripada Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa tentang kemunasabahannya. Persetujuan sebelumnya itu dan apa-apa pelarasan kemudiannya kepada harga-harga dalam Ringkasan Sebut Harga (jika perlu) hendaklah dibuat sebelum Inden Kerja dikeluarkan.

2.5 Apa-apa pelarasan harga dalam Ringkasan Sebut Harga dan apa-apa kesilapan perkiraan dalam Ringkasan Sebut Harga hendaklah dilaras dan diperbetulkan sebelum Inden Kerja dikeluarkan. Jumlah amaun yang dilaraskan hendaklah sama dengan amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga. Amaun jumlah harga pukal dalam Borang Sebut Harga hendaklah tetap tidak berubah.

3.0 BON PELAKSANAAN, PERKESO DAN POLISI INSURANS

3.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2.5% daripada nilai Sebut Harga dalam bentuk Wang Tunai atau Cek Bank (*Banker's Cheque/Bank Draft*) atas nama Yang Majlis Perbandaran Selayang.

3.2 Kontraktor hendaklah menuntut kembali Bon Pelaksanaan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Sekiranya Kontraktor gagal berbuat demikian atau memberi apa – apa maklum balas berkenaan Bon Pelaksanaan, Kerajaan berhak membuat potongan sebanyak 30% daripada jumlah Bon Pelaksanaan tersebut.

3.4 Kontraktor hendaklah atas nama bersama Kerajaan dan Kontraktor mengambil Insurans Liabiliti Awam dengan nilai minimum RM bagi setiap kemalangan bagi tempoh pelaksanaan Kerja termasuk tempoh kecacatan dan ditambah tiga (3) bulan dan empat belas (14) hari dan Insurans Kerja (sekiranya dinyatakan di dalam Butir-butir Ringkasan Sebut Harga) bagi tempoh pelaksanaan Kerja ini. Kontraktor hendaklah juga mengemukakan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO.

3.5 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa semua Polisi Insurans dan Nombor Kod Pendaftaran dengan PERKESO yang tersebut di atas sebelum memulakan Kerja. Bagaimana pun untuk tujuan memulakan Kerja sahaja Nota-nota Perlindungan dan resit-resit bayaran premium adalah mencukupi.

4.0 PERATURAN PELAKSANAAN PERKHIDMATAN

- 4.1 Kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mematuhi Spesifikasi, skop kerja, butir-butir kerja dalam Jadual Senarai Kuantiti SEBUT HARGA dan Syarat-syarat yang dinyatakan dalam Dokumen SEBUT HARGA ini dan arahan Pegawai Penguasa atau wakilnya.
- 4.2 Pihak PENYEBUTHARGA dikehendaki menyertakan dokumen-dokumen yang berkaitan .

5.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MEMULAKAN PERKHIDMATAN

Sekiranya Kontraktor gagal memulakan perkhidmatan selepas tujuh (7) hari dari tarikh akhir tempoh mula perkhidmatan yang dinyatakan dalam Inden Kerja, tanpa sebab-sebab yang munasabah, Inden Kerja boleh dibatalkan oleh Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa dan tindakan tatatertib akan diambil terhadap Kontraktor.

6.0 SUB-SEWA DAN MENYERAHHAK PERKHIDMATAN

Kontraktor tidak dibenarkan mengsub-sewakan Perkhidmatan kepada Kontraktor-kontraktor lain. Kontraktor tidak boleh menyerahhak apa-apa faedah di bawah Inden Kerja ini tanpa terlebih dahulu mendapatkan persetujuan bertulis daripada Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa .

7.0 PENOLAKAN BAHAN, BARANG DAN MUTU HASIL KERJA OLEH PEGAWAI PENGUASA

- 7.1 Pegawai Penguasa atau wakilnya berhak menolak bahan, barang dan mutu hasil perkhidmatan dari jenis piawaian yang tidak menepati seperti diperihalkan dalam Spesifikasi. Kontraktor hendaklah, apabila diminta oleh Pegawai Penguasa, memberi kepadanya baucar-baucar dan/atau perakuan ujian pengilang untuk membuktikan bahawa bahan-bahan dan barang-barang itu mematuhi

Spesifikasi. Hasil kerja yang ditolak hendaklah diganti dan sebarang kos tambahan yang terlibat hendaklah ditanggung oleh Kontraktor sendiri.

- 7.2 Kontraktor hendaklah dengan sepenuhnya atas perbelanjaan sendiri menyediakan sampel bahan dan barang-barang untuk ujian.
- 7.3 Tiada penggantian untuk peralatan, bahan dan cara kerja yang telah ditentukan di dalam Spesifikasi atau ditawarkan dan telah diterima, dibenarkan kecuali mendapat persetujuan daripada Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa secara bertulis.

8.0 PERCANGGAHAN DAN KECUKUPAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 8.1 Borang Perjanjian Inden Kerja, Surat Akuan Pembida Berjaya yang ditandatangani oleh Kontraktor dan Dokumen Sebut Harga hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca serta ditafsirkan sebagai sebahagian daripada Kontrak ini.
- 8.2 Dokumen Sebut Harga adalah dikira sebagai saling jelas-menjelas antara satu sama lain. Kontraktor hendaklah mengadakan segala yang perlu untuk melaksanakan perkhidmatan dengan sewajarnya sehinggalah siap mengikut tujuan dan maksud sebenar Dokumen Sebut Harga pada keseluruhannya sama ada atau tidak tujuan dan maksud itu ada ditunjuk atau diperihalkan secara khusus, dengan syarat bahawa tujuan dan maksud itu boleh difahamkan dengan munasabahnyanya dari dokumen Sebut Harga itu.
- 8.3 Jika Kontraktor mendapati apa-apa percanggahan dalam Dokumen Sebut Harga, Kontraktor hendaklah merujuk kepada Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa untuk mendapatkan keputusan.

9.0 KEGAGALAN KONTRAKTOR MENYEMPURNAKAN PERKHIDMATAN DAN PENAMATAN PENGAMBILAN KERJA KONTRAKTOR

9.1 Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor berada dalam keadaan berikut dan setelah menerima surat amaran daripada Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa:

9.1.1 Kontraktor masih gagal menyempurnakan perkhidmatan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan;

9.1.2 Kemajuan Kerja terlalu lembab di mana Kontraktor didapati gagal menjalankan kerja dengan tekun dan teratur tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

9.1.3 Penggantungan pelaksanaan seluruh atau sebahagian Kerja, tanpa apa-apa sebab yang munasabah;

9.1.4 Tidak mematuhi arahan Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa tanpa apa-apa alasan yang munasabah

9.2 Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa berhak membatalkan Inden sekiranya Kontraktor diisytiharkan bankrap oleh pihak yang sah.

9.3 Sekiranya Kontrak ini ditamatkan, Bon Pelaksanaan akan dirampas sepenuhnya.

10.0 BAYARAN KEMAJUAN

Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa dibenarkan membuat bayaran interim sehingga kerja-kerja siap dilaksanakan.

11.0 KERJA PERUBAHAN

- 11.1 Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa boleh menurut budi bicaranya mengeluarkan arahan-arahan yang berkehendakkan sesuatu perubahan kerja dengan secara bertulis. Tiada apa-apa perubahan yang dikeluarkan oleh Pegawai Inden atau yang disahkan kemudian oleh Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa boleh membatalkan Sebut Harga ini.
- 11.2 Sebarang kerja perubahan yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa akan diukur atau dinilai dengan menggunakan kadar harga yang ada dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Sebut Harga. Jika tidak terdapat sebarang kadar harga yang bersesuaian, kadar harga yang dipersetujui oleh Pegawai Inden dan Kontraktor hendaklah digunakan.

12.0 LANJUTAN MASA (*EXTENTION OF TOME –EOT*)

- 12.1 Permohonan Lanjutan Masa bagi Kontrak Kerja/Bekalan/Perkhidmatan (Kontrak Bukan Bermasa) hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan mengikut tempoh kontrak. Tempoh permohonan mestilah tidak lewat dari tempoh berikut:

| BIL | TEMPOH KONTRAK | TEMPOH PERMOHONAN |
|-----|---|---|
| (a) | Tempoh kontrak yang KURANG ataupun SAMA dengan EMPAT (4) minggu | Dua (2) minggu sebelum Tarikh Siap Kerja |
| (b) | Tempoh kontrak yang MELEBIHI EMPAT (4) minggu sehingga LAPAN (8) minggu | Tiga (3) minggu sebelum Tarikh Siap Kerja |
| (c) | MELEBIHI LAPAN (8) minggu | Empat (4) minggu sebelum Tarikh Siap Kerja |

- 12.2 Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa hanya mempertimbangkan dan meluluskan permohonan Lanjutan Masa dengan sebab-sebab munasabah dan dokumen sokongan yang lengkap.

13.0 PENGUKURAN KUANTITI SEMENTARA

Setelah kerja-kerja yang melibatkan Kuantiti Sementara disiapkan di tapak, pengukuran semula kuantiti hendaklah dibuat secara bersama.

14.0 GANTI RUGI KERANA TAKSIAP

- 14.1 Jika Kontraktor tidak menyiapkan Kerja pada 'Tarikh Siap', Kontraktor hendaklah membayar atau memberikan kepada Kerajaan suatu jumlah wang yang dikira megikut Kadar Pinjaman Asas semasa (*Base Lending Rate – BLR*) sebagai Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan selama tempoh Kerja tersebut terus berkeadaan begitu dan taksiap. Pegawai Penguasa / Wakil Pegawai Penguasa boleh memotong ganti rugi itu dari apa – apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor.
- 14.2 Kadar Pinjaman Asas semasa (*Base Lending Rate – BLR*) ketika kerja ini dikeluarkan adalah pada kadar ...6.40%

15.0 PEMATUHAN KEPADA UNDANG-UNDANG OLEH KONTRAKTOR

Kontraktor hendaklah mematuhi segala kehendak Undang-undang Kecil dan Undang-undang Berkanun dalam Malaysia semasa pelaksanaan Kerja. Kontraktor tidak berhak menuntut sebarang kos dan bayaran tambahan kerana pematuhannya dengan Syarat-syarat ini.

16.0 PENAMATAN BERSABIT RASUAH, AKTIVITI MENYALAHI UNDANG-UNDANG ATAU AKTIVITI HARAM

- 16.1 Tanpa menjejaskan apa-apa hak Kerajaan yang lain, jika kontraktor, personel, kakitangan atau pekerjanya disabitkan bersalah oleh mahkamah kerana rasuah atau aktiviti menyalahi undang-undang atau aktiviti haram yang berkait dengan Perjanjian / Kontrak ini atau mana-mana perjanjian lain yang Kontraktor mungkin ada dengan Kerajaan, Kerajaan berhak untuk menamatkan Perjanjian / Kontrak ini pada bila-bila masa, dengan memberi notis bertulis dengan segera yang membawa maksud sedemikian kepada Kontraktor.
- 16.2 Setelah penamatan tersebut, Kerajaan berhak terhadap semua kerugian, kos, ganti rugi dan perbelanjaan (termasuk apa-apa kos dan perbelanjaan sampingan) yang ditanggung oleh Kerajaan yang timbul daripada penamatan tersebut.
- 16.3 Bagi mengelakkan keraguan, kedua-dua pihak Kerajaan dan Kontraktor bersetuju bahawa Kontraktor tidak layak terhadap sebarang bentuk kerugian termasuk kehilangan keuntungan, ganti rugi, tuntutan atau apa sekalipun setelah penamatan Kontrak ini.

BAHAGIAN F : PEMATUHAN SPESIFIKASI KERJA

PEMATUHAN SPESIFIKASI KERJA

1.0 PENGENALAN

Spesifikasi yang disediakan adalah untuk membuat perolehan perkhidmatan Syarikat *Pest Control Operator (PCO)* bagi menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan Denggi merangkumi **1 pakej perkhidmatan, di Majlis Perbandaran Selayang (MPS) untuk tempoh Satu (1) Tahun dengan pilihan lanjutan Satu (1) Tahun (tambahan adalah berdasarkan peruntukan tahunan yang diberikan kepada PBT).**

2.0 SKOP PERKHIDMATAN

2.1 Menjalankan aktiviti Semburan Ruang Thermal (SRT) dengan menggunakan mesin semburan thermal.

3.0 SYARAT AM

3.1 Syarikat dipilih mestilah berdaftar dengan **Lembaga Racun Makhluk Perosak (LRMP), Akta Syarikat 1965, Lesen Pihak Berkuasa Tempatan dan Kementerian Kewangan dan mempunyai Lesen Pemakai Racun Makhluk Perosak.**

4.0 SYARAT WAJIB

4.1 Kontraktor **tidak boleh memajakkan** semua atau apa-apa bahagian kontrak ini **atau membuat apa-apa subkontrak** bagi tujuan melaksanakan kontrak ini atau apa-apa bahagiannya tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada MPS.

5.0 SPESIFIKASI PERKHIDMATAN

5.1 Pakej Perkhidmatan

5.1.1 Setiap pakej perkhidmatan terdiri daripada:

| Bil. | Perkara | Spesifikasi/Syarat |
|------|---|--|
| i. | Sumber manusia untuk satu pakej: 1 penyelia, 2 operator dan 1 pemandu. | <ul style="list-style-type: none">Warganegara Malaysia dan berumur 18 tahun ke atas, bebas rekod jenayah dan tidak terlibat dengan penyalahgunaan dadah. |

| Bil. | Perkara | Spesifikasi/Syarat |
|------|--|---|
| | (Jumlah adalah 4 orang pekerja). | <ul style="list-style-type: none"> • Setiap penyelia dan operator adalah terlatih dan telah menjalani latihan dalam aktiviti kawalan mahluk perosak yang diperakui dan bukti latihan perlu dikemukakan oleh syarikat. • Setiap operator perlu menggunakan 'Personal Protective Equipment (PPE)' yang memenuhi kehendak semasa MPS. Rujuk Lampiran A |
| ii. | <p>Peralatan Mesin Semburan Ruang Thermal untuk satu pakej:</p> <p>3 unit mesin semburan ruang thermal untuk digunakan dan termasuk 1 unit mesin semburan ruang thermal sebagai <i>backup</i> (Jumlah adalah 3 unit)</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Rujuk Lampiran B • Kesemua mesin, termasuk yang '<i>backup</i>' perlu dipastikan berfungsi dengan sempurna sebelum dibawa ke lapangan. |
| iii. | <p>Kenderaan untuk satu pakej :</p> <p>1 kenderaan pacuan empat roda ('<i>Pickup</i>') yang dilengkapi dengan siaraya dan penutup kanvas atau kabin di ruang belakang.</p> | <ul style="list-style-type: none"> • Rujuk Lampiran C |

5.2 Lokasi Aktiviti

5.2.1 Lokasi dan keluasan kawasan semburan akan ditentukan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan (JPSPK), Majlis Perbandaran Selayang (MPS).

5.3 Racun serangga dan minyak (Diesel)

5.3.1 Racun serangga dan minyak (Diesel) yang digunakan untuk bancuhan racun serangga bagi aktiviti di lapangan akan dibekalkan oleh Majlis Perbandaran Selayang.

5.4 'Response Time'

5.4.1 Syarikat yang dilantik mesti bekerja bermula pada jam **4.00 petang sehingga jam 9.00 malam atau selesai tugas atau mana-mana jadual waktu yang ditetapkan oleh JPSPK, MPS** jam setiap hari, tidak termasuk waktu rehat.

5.4.2 Hari bekerja adalah **5 hari seminggu** termasuk cuti umum (jika perlu), arahan akan diberi dalam masa 24 jam.

5.5 Waktu Aktiviti

5.5.1 Waktu aktiviti dijalankan perlu mengikut masa yang ditetapkan oleh JPSPK, MPS iaitu **pada jam 4.00 petang hingga 9.00 malam atau selesai tugas atau mana-mana jadual waktu yang ditetapkan oleh JPSPK, MPS.**

5.6 Syarat-syarat Aktiviti

| Bil. | Aktiviti | Syarat |
|------|-------------------|---|
| i. | Syarat Am Kontrak | <p>a. Kawasan liputan akan ditentukan oleh JPSPK, MPS.</p> <p>a. Taklimat akan dibuat oleh JPSPK, MPS (sebelum kontrak bermula) : semua operator terlibat diwajibkan hadir.</p> <p>b. Sekiranya terdapat bancuhan racun yang tidak dapat dihabiskan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, baki racun mesti dikembalikan kepada JPSPK, MPS.</p> <p>c. Mesin semburan perlu diselenggara secara berkala oleh pihak syarikat yang dilantik mengikut tempoh yang ditetapkan bagi memastikan mesin di dalam keadaan optima dan berfungsi dengan baik.</p> <p>d. Pengangkutan untuk petugas kontraktor disediakan oleh syarikat dan kenderaan dipastikan dalam keadaan yang baik.</p> |

| Bil. | Aktiviti | Syarat |
|------|------------------------|---|
| ii. | Semburan Ruang Thermal | <p>a. Kawasan liputan mesti minima 50 meter radius dari rumah kes atau mengikut keluasan yang ditentukan oleh JPSPK, MPS.</p> <p>b. Semburan thermal dilakukan antara jam 6.00 petang sehingga 7.30 petang.</p> <p>c. Setiap operator perlu membuat 2 caj semburan thermal pada setiap kali aktiviti dijalankan. Jumlah keseluruhan caj adalah 4 caj bagi setiap satu pakej.</p> <p>d. Setiap pakej PCO akan dipantau oleh pihak JPSPK, MPS.</p> <p>e. Liputan bagi semburan 'indoor' adalah seperti yang ditetapkan oleh JPSPK, MPS.</p> <p>f. Liputan semburan 'outdoor' mestilah 100%.</p> <p>g. Hebahan mengenai operasi semburan mesti dilakukan di lokaliti 30 minit sebelum semburan thermal dijalankan. Skrip hebahan/ pengumuman akan disediakan oleh JPSPK, MPS.</p> <p>h. Taklimat semburan akan diberikan oleh JPSPK, MPS (sebelum hari pertama perkhidmatan bermula) : semua operator terlibat diwajibkan hadir.</p> |

5.7 Penghantaran Laporan Aktiviti

5.7.1 Laporan bagi setiap aktiviti perlu direkodkan dalam borang-borang yang tersenarai di **Lampiran D**. Laporan perlu disahkan oleh pegawai di lapangan pada hari yang sama setiap hari.

5.7.2 **Taklimat mengenai borang akan diberi sebelum hari pertama perkhidmatan bermula.** Semua operator dan penyelia syarikat terpilih **diwajibkan hadir.**

5.8 Syarat-Syarat Lain

5.8.1 Segala kos berkaitan operasi semburan dan pengangkutan termasuk untuk petugas syarikat hendaklah ditanggung oleh syarikat sendiri.

- 5.8.2 Penggunaan PPE yang bersesuaian perlu digunakan semasa aktiviti dijalankan dan pematuhan ini menjadi tanggungjawab syarikat. MPS tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kemalangan yang berlaku akibat penggunaan PPE yang tidak sempurna. Keperluan PPE adalah merujuk kepada **Lampiran A**.
- 5.8.3 MPS tidak akan dipertanggungjawabkan di atas sebarang tuntutan aduan terhadap petugas yang digaji oleh syarikat sekiranya melibatkan kemalangan/kerugian kepada orang awam/anggota operasi syarikat dan kerosakan harta benda awam semasa aktiviti dijalankan.
- 5.8.4 Syarikat tidak dibenarkan sama sekali untuk meminta atau menerima bayaran daripada orang awam bagi sebarang aktiviti yang dijalankan.
- 5.8.5 **Syarikat tidak dibenarkan menyimpan sebarang peralatan operasi di MPS seperti mesin thermal dan mesin *mistblower* dan lain-lain.**
- 5.8.6 Syarikat yang telah terpilih **WAJIB** menyerahkan **senarai nama, gambar berukuran pasport dan salinan kad pengenalan** setiap operator dan penyelia terlibat kepada JPSPK, MPS sebelum perkhidmatan bermula bagi tujuan keselamatan dan pemantauan.

5.9 Kaedah Pembayaran

- 5.9.1 Bayaran adalah mengikut pakej perkhidmatan.
- 5.9.2 Bayaran akan dibuat secara bulan oleh MPS.
- 5.9.3 Syarikat hendaklah mengemukakan **laporan lengkap bergambar** yang mempunyai tarikh dan masa bagi kerja-kerja sebelum, semasa dan selepas pada setiap bulan iaitu **selewat-lewatnya 6hb pada bulan berikutnya**. Laporan lengkap bergambar ini perlu dihantar **2 salinan *hardcopy*** setiap bulan.

6.0 JAMINAN MUTU PERKHIDMATAN

6.1 Penilaian Kualiti Aktiviti Dan Semburan

- 6.1.1 Penilaian kualiti aktiviti dan semburan akan dijalankan secara berkala oleh JPSPK, MPS.
- a) Penilaian kualiti/kebergunaan mesin adalah mematuhi spesifikasi seperti di Lampiran B.

b) Teknik semburan kabus oleh syarikat operator.

6.2 Taklimat Semburan

6.2.1 Taklimat kaedah dan prosedur semburan akan diberi oleh JPSPK, MPS sebelum hari pertama perkhidmatan bermula.

6.3 Pemantauan Dan Penyeliaan

6.3.1 Racun dan minyak yang dibekalkan oleh MPS hanya boleh digunakan untuk melaksanakan aktiviti ini dan bukan untuk lain-lain tujuan atau untuk kegunaan pihak ketiga.

6.3.2 Perkhidmatan yang diberikan mesti mematuhi spesifikasi dan 'Standard Operating Procedure (SOP)' yang ditetapkan.

6.3.3 Penilaian aktiviti dan semburan akan dibuat oleh JPSPK, MPS dan JPSPK, MPS berhak memberi arahan atau teguran bagi tujuan memperbaiki mutu aktiviti dan semburan.

6.3.4 Syarikat adalah bertanggungjawab untuk mematuhi segala arahan yang diberikan oleh JPSPK, MPS.

6.4 Pemotongan Bayaran

Sebarang kerja yang diarahkan oleh pihak pengurusan MPS tidak dilakukan atau dilakukan dengan tidak memuaskan pada pandangan pihak pengurusan MPS tanpa alasan yang munasabah, MPS berhak mengenakan tindakan pemotongan mengikut kadar harga yang telah dipersetujui atau seperti berikut;

6.4.1 Notis Kesalahan (NK)

Notis Kesalahan (NK) dikeluarkan atas kesalahan mandatori kepada kontraktor kerana telah melanggar syarat kontrak.

Notis ini dikeluarkan tanpa tindakan pembetulan daripada kontraktor dan tiada pembatalan Notis Kesalahan (NK). Keterangan NK adalah seperti di lampiran.

6.4.2 Keadaan yang tidak membenarkan sebarang aktiviti semburan dilaksanakan (contohnya hujan/jerebu atau lain-lain) :

| BIL | KADAR BAYARAN | SITUASI |
|-----|----------------------|--|
| 1. | 1/3 dari harga pakej | Pekerja operator telah melapor diri mengikut masa yang ditetapkan dan perlu menunggu sehingga jam 06.00 petang atau sehingga arahan diberikan). |
| 2. | 2/3 dari harga pakej | Aktiviti semburan telah dilaksanakan di lapangan. Namun, terpaksa diberhentikan atas faktor cuaca hujan yang mengganggu tugas di lapangan. Keadaan ini menyebabkan caj semburan tidak dapat dilengkapkan mengikut pakej. Setiap operator perlu menunggu sekurang-kurangnya dalam tempoh 1 jam. Jika hujan masih berterusan, aktiviti semburan boleh ditamatkan untuk hari itu. |
| 3. | Tiada bayaran | Operator tidak hadir dan tiada aktiviti semburan dilaksanakan. |




6.5 Pembatalan Perkhidmatan




6.5.1 Perkhidmatan **boleh dibatalkan serta-merta** sekiranya syarikat didapati telah melanggar mana-mana syarat perjanjian dalam kontrak yang telah ditandatangani.

7.0 TEMPOH PERKHIDMATAN BILANGAN PAKEJ YANG DIPERLUKAN



- 7.1 Perkhidmatan diperlukan untuk tempoh **Satu (1) Tahun dengan pilihan lanjutan Satu (1) Tahun (tambahan adalah berdasarkan peruntukan tahunan yang diberikan kepada PBT).**
- 7.2 Sebanyak 1 (satu) pakej diperlukan setiap hari dan syarikat yang berminat perlu berkemampuan menyediakan 1 (satu) pakej sekaligus di mana keperluan pakej adalah seperti yang dinyatakan pada **Lampiran E.**



CONTOH SPESIFIKASI PPE UNTUK FOGGING BAGI PCO



| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|------------------------|--|---|
| <p>COVERALL</p> |  <p>Contoh pandangan hadapan coverall</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1) Hendaklah bersesuaian dengan saiz operator 2) Mempunyai garisan pemantul cahaya atau <i>reflector</i> di bahagian hadapan dan belakang baju 3) Perlulah mempunyai ketebalan kain yang sesuai 4) Warna coverall bersesuaian dengan kerja-kerja semburan 5) Syarikat wajib meletakkan identiti di bahagian hadapan dan belakang coverall contohnya logo atau nama syarikat. |
| |  <p>Contoh pandangan belakang Coverall</p> | |
| |  <p>Contoh nama "KONTRAKTOR PCO MPS" pada bahagian belakang coverall</p> | |


| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|--------------------------------------|---|---|
| ALAT PELINDUNG MATA (GOGGLES) |  <p>Contoh goggles yang dibenarkan</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1) Diperbuat daripada plastik/<i>polycarbonate</i> 2) Bersifat kedap udara / pengaliran udara tidak terus-menerus (<i>indirectly</i>) 3) Bersifat lutsinar, <i>tinted</i> tidak dibenarkan 4) Menggunakan tali boleh laras (<i>stretchable</i>) 5) Berbingkai tidak dibenarkan kerana pengaliran udara belaku secara terus menerus 6) Lensa menutup keseluruhan bahagian mata untuk melindungi dari percikan api/bahan kimia 7) Terdapat lapisan <i>anti-fog</i> pada lensa 8) Saiz bersesuaian dengan <i>fogger</i> |
| |  <p>Contoh goggles yang tidak dibenarkan</p> | |
| |  <p>Different types of goggles</p> <p>Characteristics</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ No ventilation, good anti-fog coating, soft silicon seal edge Indirect ventilation opening Indirect ventilation, flexible seal edge No ventilation, flexible seal edge Indirect ventilation opening Indirect ventilation and standard seal edge | |

| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|-----------|--|-------------|
| | Kriteria goggles yang dibenarkan (mempunyai pengaliran udara bukan terus – menerus / <i>indirectly</i> atau kedap udara) | |

| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|---|--|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|-------|--------|----------|--------|-------|--------|----------|
| ALAT PELINDUNG TELINGA (EAR MUFF) |  <p>Contoh Ear Muff yang disarankan</p> | <p>1) Menutup keseluruhan telinga <i>fogger</i>.</p> <p>2) Mempunyai daya kedap bunyi kurang daripada 100 desibel.</p> <p>Jadual had keupayaan pendengaran telinga manusia</p> <table border="1"> <tbody> <tr> <td>90 db</td> <td>8 jam</td> </tr> <tr> <td>92 db</td> <td>6 jam</td> </tr> <tr> <td>95 db</td> <td>4 jam</td> </tr> <tr> <td>97 db</td> <td>3 jam</td> </tr> <tr> <td>100 db</td> <td>2 jam</td> </tr> <tr> <td>110 db</td> <td>30 menit</td> </tr> <tr> <td>105 db</td> <td>1 jam</td> </tr> <tr> <td>115 db</td> <td>15 menit</td> </tr> </tbody> </table> <p><i>Sumber : u.s government – occupational safety and healthy act</i></p> <p>3) Bahagian luar diperbuat daripada plastik</p> <p>4) Saiz bersesuaian dengan <i>fogger</i> .</p> | 90 db | 8 jam | 92 db | 6 jam | 95 db | 4 jam | 97 db | 3 jam | 100 db | 2 jam | 110 db | 30 menit | 105 db | 1 jam | 115 db | 15 menit |
| | 90 db | | 8 jam | | | | | | | | | | | | | | | |
| 92 db | 6 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 95 db | 4 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 97 db | 3 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 100 db | 2 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 110 db | 30 menit | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 105 db | 1 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 115 db | 15 menit | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|  <p>Contoh Ear Muff</p> | | | | | | | | | | | | | | | | | | |

| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI | | | | | | | | | | | | | | | | |
|---|---|--|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|-------|--------|-------|--------|----------|--------|-------|--------|----------|
| ALAT PELINDUNG TELINGA (EAR BUD) |  <p>Contoh Ear Plug yang mempunyai tali penyambung (<i>string-connected</i>)</p> | <p>1) Menutup keseluruhan lubang telinga <i>fogger</i>.</p> <p>2) Mempunyai daya kedap bunyi kurang daripada 100 desibel.</p> <p>Jadual had keupayaan pendengaran telinga manusia</p> <table border="1" data-bbox="973 526 1332 896"> <tr><td>90 db</td><td>8 jam</td></tr> <tr><td>92 db</td><td>6 jam</td></tr> <tr><td>95 db</td><td>4 jam</td></tr> <tr><td>97 db</td><td>3 jam</td></tr> <tr><td>100 db</td><td>2 jam</td></tr> <tr><td>110 db</td><td>30 menit</td></tr> <tr><td>105 db</td><td>1 jam</td></tr> <tr><td>115 db</td><td>15 menit</td></tr> </table> | 90 db | 8 jam | 92 db | 6 jam | 95 db | 4 jam | 97 db | 3 jam | 100 db | 2 jam | 110 db | 30 menit | 105 db | 1 jam | 115 db | 15 menit |
| 90 db | 8 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 92 db | 6 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 95 db | 4 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 97 db | 3 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 100 db | 2 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 110 db | 30 menit | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 105 db | 1 jam | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| 115 db | 15 menit | | | | | | | | | | | | | | | | | |
| |  <p>Contoh <i>earbud</i> yang tidak mempunyai tali penyambung (<i>non-string connected</i>)</p> | <p>Sumber : <i>u.s government – occupational safety and healthy act</i></p> <p>2) Diperbuat daripada silikon</p> <p>3) Saiz bersesuaian dengan telinga <i>fogger</i>.</p> <p>4) Tidak mempunyai tali penyambung (<i>non-string connected</i>) atau dengan tali penyambung (<i>string-connected</i>).</p> <p>5) Earbud dengan tali penyambung lebih baik untuk mengelakkan hazard tekanan udara luar menolak earbud tersumbat ke dalam saluran telinga luar (<i>auditory canal</i>).</p> <p>6) Perlu dipakai sekali dengan <i>Ear Muff</i> untuk perlindungan optimum</p> | | | | | | | | | | | | | | | | |


| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|---|--|---|
| <p>ALAT PELINDUNG PERNAFASAN /RESPIRATOR</p> |  <p>Pandangan hadapan plastik bungkusan respirator.</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1) Diperbuat daripada silikon dan plastik 2) Menutup bahagian hidung dan mulut / <i>half face piece</i> (pemakaian <i>full facepiece</i> digalakkan) 3) Perlu dipakai sekali dengan katrij/<i>cartridge</i> dan penapis/<i>filter</i>. 4) Saiz perlu bersesuaian dengan fogger 5) Saiz respirator mengikut kesesuaian fogger. |
| |  <p>Pandangan belakang plastik bungkusan respirator</p> | |






Pandangan hadapan respirator



Pandangan sisi respirator



Pandangan sisi dalam respirator


| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|---|---|--|
| ALAT PELINDUNG PERNAFASAN / KATRIJ |  | <ol style="list-style-type: none"> 1) Mampu menapis sumber bahan cemar/<i>contaminants</i> seperti hidrogen klorida, sulfur dioksida, hidrogen sulfida, hidrogen florida 2) Mempunyai label/garisan berwarna kuning pada katrij 3) Katrij untuk wap semulajadi/ gas berasid |
| | <p>Pandangan sisi katrij (dengan penapis dan penutup katrij)</p> | |
| |  | |
| <p>Pandangan sisi katrij (tanpa Penapis dan penutup katrij)</p> |  | |
| <p>Pandangan hadapan katrij</p> | | |





Penutup katrij




Bahagian hadapan pembungkus katrij



Bahagian belakang pembungkus katrij

| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|--|--|--|
| ALAT PELINDUNG PERNAFASAN / PENAPIS KATRIJ / FILTER |  <p data-bbox="475 1191 801 1258">Bahagian hadapan dan belakang penapis / filter</p> | <p data-bbox="896 257 1396 414">1) Mempunyai tahap efisiensi penapisan sekurang-kurangnya 95% terhadap <i>aerosol</i> cecair dan pepejal termasuk minyak</p> |
| |  <p data-bbox="478 1624 853 1657">Model yang disyorkan : P95</p> | |



Diperakui oleh NIOSH; tahap efisiensi penapisan sekurang-kurangnya 95% terhadap *aerosol* cecair dan pepejal termasuk minyak.


| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|--|---|--|
| <p>SARUNG TANGAN / HEAVY-DUTY GLOVE / LATEX GLOVE</p> |  <p>Contoh sarung tangan yang dibenarkan untuk aktiviti semburan <i>fogging</i></p> | <p>1) Untuk aktiviti semburan <i>fogging</i>, sarung tangan perlu mempunyai dua lapisan, satu lapisan anti haba / <i>heatproof</i> dan satu lagi lapisan kain tebal.</p> <p>1.1 Lapisan anti haba di bahagian tapak tangan dan diperbuat dari kulit/<i>leather</i> atau separa kulit/<i>semi-leather</i>.</p> <p>1.2 Lapisan kain tebal diperbuat daripada <i>Kevlar</i>.</p> <p>2) Sarung tangan satu lapis (<i>kevlar</i> atau kulit sahaja) / sarung tangan getah / tidak dibenarkan untuk aktiviti semburan <i>fogging</i>.</p> <p>3) Sarung tangan getah/<i>latex</i> untuk bancuhan racun/<i>larviciding</i></p> <p>4) Saiz sarung tangan mengikut kesesuaian anggota.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Untuk aktiviti bancuhan racun, hanya sarung tangan getah/<i>latex</i> yang panjangnya melebihi paras 1/3 dari tangan fogger dibenarkan |
| |  <p>Contoh sarung tangan yang dibenarkan untuk aktiviti semburan <i>fogging</i></p> | |



Contoh sarung tangan yang **tidak** dibenarkan untuk aktiviti semburan *fogging* (mempunyai satu lapis kain sahaja)





Contoh sarung tangan getah/*latex* untuk bancuhan racun dan *larvaciding*





www.shutterstock.com · 84358183

Contoh sarung tangan getah/*latex* untuk bancuhan racun dan *larvaciding*

| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|---|--|---|
| <p>KASUT KESELAMATAN / SAFETY BOOT</p> |  <p>The diagram shows a safety boot with several labeled features: <ul style="list-style-type: none"> SIP-53: Kekuatan jahitan (Tensile strength of stitching) SIP-51-53: Anti-heat, anti-heat, anti-static, anti-static protection SIP-52-53: Penguatan dengan aluminium di bagian empuk pada bagian empuk (Reinforcement with aluminum in the heel) SIP-52-53: Anti-kempasan (Anti-compression) SIP-53: Anti-selubur (Anti-slip) SIP-52-53: Anti-heat resistant sole (Anti-heat resistant sole) Anti-Ventilation System Insole: A separate diagram shows the insole with a ventilation system. </p> | <p>Contoh kasut keselamatan yang dibenarkan</p> |
| |  <p>Contoh : Tapak kasut yang tebal dan berkualiti memiliki pelbagai ciri-ciri keselamatan</p> | <ol style="list-style-type: none"> 1) Kasut diperbuat daripada bahan tahan lasak dan mempunyai sistem ventilasi udara yang bagus 2) Tapak kasut mestilah bersifat : <ol style="list-style-type: none"> i. Mempunyai ketebalan yang sesuai ii. Anti-tusukan barangan tajam/<i>anti perforation</i> iii. Siap pasang/<i>built in</i> dengan besi iv. Mempunyai daya cengkaman/ <i>grip</i> yang tinggi, v. Anti minyak vi. Kerintangan terhadap api/ <i>fire resistant</i> |

| | | |
|--|--|--|
| | | <p>vii. Anti-renjatan elektrik/ <i>anti-static</i></p> <p>viii. Mempunyai daya serapan gegaran buku lali/<i>heel absorption energy</i></p> <p>3) Saiz kasut mengikut kesesuaian <i>fogger</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kasut kerja/kasual/sukan tidak dibenarkan untuk kerja-kerja kawalan Denggi |
| |  <p>Contoh : Pandangan hadapan kasut keselamatan</p> | |
| |  <p>Contoh : Pandangan sisi kasut keselamatan</p> | |

| JENIS PPE | GAMBAR | SPESIFIKASI |
|---|---|--|
| <p>ALAT PELINDUNG PERNAFASAN / TOPENG MUKA / MASK</p> |  <p>Contoh N95 yang diperakui oleh NIOSH.</p> | <p>1) bersifat pakai buang/<i>disposable</i></p> <p>2) mempunyai tali boleh regang/<i>stretchable</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • untuk aktiviti larvaciding, topeng muka/<i>mask</i> boleh digantikan dengan respirator |
| |  <p>Cara pemakaian topeng muka/<i>mask</i> N95 yang betul</p> | |

CONTOH PANDANGAN HADAPAN PEMAKAIAN PPE LENGKAP



CONTOH PANDANGAN BELAKANG PEMAKAIAN PPE LENGKAP




SPESIFIKASI MESIN SEMBURAN THERMAL

| Bil. | Perkara | Spesifikasi |
|------|------------------------|---|
| 1. | Mesin Semburan Thermal | <p>1.1 Perihal mesin</p> <ul style="list-style-type: none"> a. Berat Mesin (Kosong): 7-9 kg b. Berat mesin dengan tangki dipenuhi pada kadar maksima mengikut syor pengeluar untuk operasi: ≤ 20 kg c. Kapasiti tangki minyak dan kadar konsumsi minyak perlu diisytihar / nyatakan. Enjin mampu beroperasi untuk discaj tangki bancuhan racun yang penuh secara berterusan pada kadar semburan minima tanpa perlu <i>refilling</i> minyak. d. Kapasiti tangki bancuhan racun: 5 - 7 L e. Kadar <i>output</i> semburan: 10 - 40 L / jam f. <i>Spektrum droplet</i> semburan perlu diisytihar/ nyatakan dengan <i>Volume Median Diameter (VMD) droplet</i> $< 30 \mu\text{m}$ g. <i>Versatile</i> untuk semburan formulasi berasaskan air atau minyak. h. Mesin dilengkapi <i>nozel</i> berukuran di antara 0.8 cm hingga 1.0 cm i. Mesin mampu beroperasi dalam keadaan baik (tanpa masalah <i>overheating</i>) untuk semburan 2 caj semasa aktiviti harian bagi tempoh masa dari 4.00 petang hingga 9.00 malam j. Mematuhi syarat-syarat / spesifikasi <i>World Health Organisation (WHO) Equipment for Vector Control Specification Guidelines Revised Edition 2010 (WHO/HTM/NTD/WHOPES/2010.9)</i> atau telah diuji oleh mana-mana badan menguji mesin yang bertauliah k. Jenis dan model mesin: Syarikat wajib nyatakan jenis dan model mesin semburan ruang termal digunakan dalam sebutbarga yang dikemukakan. <p>1.2 Usia Mesin</p> <p>Syarikat perlu memastikan setiap mesin yang hendak digunapakai perlu berusia lima tahun atau kurang dengan mengemukakan bukti yang wajar.</p> <p>1.3 Pembersihan, penyelenggaraan dan pembaikan</p> <p>Segala kerja pembersihan, penyelenggaraan dan pembaikan mesin adalah di bawah tanggungjawab oleh penyebutbarga.</p> <p>1.4 Prestasi mesin</p> <p>Penyebutbarga mesti sentiasa memastikan mesin sentiasa beroperasi dengan sempurna.</p> |

LAMPIRAN C

SPESIFIKASI SIARAYA DAN PENUTUP KANVAS / KABIN

| Bil. | Perkara | Spesifikasi |
|------|---|--|
| 1 | Siaraya | <p>1.1 Satu Audio Output : 'Mobile Amplifier (CA-160)' beserta 'Paging Horn Speaker (SC-651)' atau setara dengannya. Audio ini perlu berfungsi sebagai peralatan untuk pengumuman & untuk siren amaran sebelum kerja-kerja fogging dijalankan.</p> <p>1.2 Siap dipasang di kenderaan pacuan empat roda</p>  |
| 2 | Penutup kanvas yang sempurna atau kabin | <p>2.1 Siap dipasang di ruang belakang kenderaan pacuan empat roda.</p> |


LAMPIRAN D

SENARAI BORANG BAGI AKTIVITI KAWALAN DAN PENCEGAHAN

| BIL. | AKTIVITI | BORANG | CATATAN |
|-------------|------------------------|---|----------------|
| 1. | Semburan Ruang Thermal | i. Laporan Aktiviti Semburan Kabus Secara Thermal Mengikut Pasukan Kecil | |
| | | ii. Ringkasan Laporan Aktiviti Semburan Kabus Terma Mengikut Lokaliti / Kes | |
| | | iii. Borang Pelaporan Aktiviti Kawalan Semburan Thermal. | |

LAMPIRAN E

PERINCIAN PAKEJ PCO

| PBT | BILANGAN PAKEJ | BILANGAN PEKERJA | BILANGAN KEPERLUAN ASET | KENDERAAN |
|-----------------------------|----------------|--|--|---|
| Majlis Perbandaran Selayang | 1 Pakej | i. 2 penyelia, 2 pekerja operator dan 1 pemandu. (Penyelia dan Pekerja operator lengkap dengan PPE) (Kemukakan salinan Lesen Pembantu Pemakai Racun Makhluk Perosak yang dikeluarkan oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak) | i. Untuk Semburan Ruang Thermal (SRT) - 3 buah mesin untuk semburan thermal (termasuk 1 buah mesin untuk back up). | 1 buah kenderaan pickup bersama PEMANDU , lengkap dengan siaraya dan lengkap berpenutup kanvas atau kabin di ruang belakang.  |

NOTIS KESALAHAN (NK)
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

NAMA PENILAI : _____
 NAMA SYARIKAT : _____
 TARIKH PENILAIAN : _____

JADUAL NOTIS KESALAHAN (NK)

| BIL | HARGA (RM) | PERKARA |
|-----|------------|---|
| 1 | 50 | Tidak menghadiri taklimat kerja di bilik gerakan pada waktu petang. |
| 2 | 100 | Pekerja / operator tidak memakai PPE yang lengkap. Bil pekerja : |
| 3 | 50 | Mesin untuk semburan Thermal tidak berfungsi semasa di lapangan. |
| 4 | 50 | Tidak Memakai Overall / Vest Keselamatan. |
| 5 | 100 | Bilangan pekerja / operator tidak mencukupi semasa kerja semburan. Bil pekerja : |
| 6 | 50 | Tidak menghantar laporan gerak kerja harian. |
| 7 | 50 | Tidak melaksanakan hebahan / pengumuman kerja sebelum pelaksanaan kerja harian di lokasi. |
| 8 | 50 | Tidak mematuhi segala arahan pegawai penyelia dari masa ke masa. |
| 9 | 50 | Mesin untuk semburan Thermal tidak mengikuti spesifikasi seperti di Lampiran B |

Harga pembayaran penuh

Bil Fogging _____ x RM = RM _____

Pemotongan bayaran berdasarkan kesalahan

Bil. Kesalahan _____ x RM = RM _____

Pembayaran sebenar

Bayaran penuh - pemotongan bayaran = RM _____

ULASAN : _____

Disemak Oleh :

(_____)

Disokong Oleh :

(_____)

BAHAGIAN G : RINGKASAN TAWARAN KESELURUHAN

RINGKASAN TAWARAN KESELURUHAN

MPS/SH/110/25

Sebarang butiran yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam butiran-butiran lain. Penyebutharga adalah dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat kontrak bersama-sama dengan pelan-pelan atau Spesifikasi untuk memastikan sendiri liputan kerja yang terlibat sebelum menawarkan harga kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara di atas tidak akan dipertimbangkan.

| BUTIRAN | KETERANGAN | DARI M/S | HARGA (RM/BULAN) |
|--|---|----------|---------------------|
| BILL NO. 1 | KERJA-KERJA AWALAN | H/1 | |
| BILL NO. 2 | PERKHIDMATAN PENGAWALAN PENULARAN DEMAM DENGGI | H/2 | |
| JUMLAH KESELURUHAN DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA M.S B/1 - B/2 (LAMPIRAN Q) | | | |

RINGGIT MALAYSIA :

...../BULAN

TEMPOH : **SATU (1) TAHUN DENGAN PILIHAN LANJUTAN SATU (1) TAHUN**

.....
Tandatangan Kontraktor

Nama Penuh :

No. K.P :

Alamat :

.....

.....

Jawatan :

Tarikh :

.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh :

No. K.P :

Alamat :

.....

.....

Jawatan :

Tarikh :

.....
Menterai/Cop Syarikat

BAHAGIAN H : JADUAL SENARAI KUANTITI

| BIL | KETERANGAN | UNIT | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM/BULAN) |
|--|---|------|----------|-----------------------------|-------------------|
| | <p><u>ALL QUANTITY ARE PROVISIONAL</u></p> <p><u>BILL NO: 1 - KERJA-KERJA AWALAN</u></p> <p><u>PENYEDIAAN INSURAN</u></p> | | | | |
| A | Menyediakan Polisi Insuran Tanggungan Awam dan polisi Insuran Pampasan Pekerja serta mengambil langkah-langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda dan kon-kon keselamatan serta kawalan lalulintas. | | | - Harga Yang Dipersetujui - | 150.00 |
| B | Membekalkan 2 laporan bergambar dan bukti bertarikh dari (3) tiga lokasi sudut pada waktu sebelum mula kerja, semasa kerja dan sesudah siap kerja. | L/S | | | |
| JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TAWARAN KESELURUHAN DI M.S G/1 | | | | | |

| BIL | KETERANGAN | UNIT | KUANTITI | KADAR HARGA (RM) | JUMLAH (RM/BULAN) |
|---|---|------|----------|------------------|-------------------|
| A | <p><u>ALL QUANTITY ARE PROVISIONAL</u></p> <p><u>BILL NO 2 - PERKHIDMATAN PENGAWALAN PENULARAN DEMAM DENGGI</u></p> <p>Menyediakan peralatan dan perkhidmatan untuk pengawalan penularan demam denggi seperti berikut :</p> <p>(**Tempoh perkhidmatan 20-23 hari bekerja sebulan)</p> <p>i) 1 Orang Penyelia Tapak</p> <p>ii) 2 Orang Operator</p> <p>iii) 1 Orang Pemandu</p> <p>iv) 1 Unit <i>Pickup</i></p> <p>v) 2 Unit Mesin Semburan Thermal</p> <p>(**Tambahan 1 unit mesin sebagai <i>backup</i>)</p> <p>NOTA :</p> <p>*RACUN SERANGGA DAN MINYAK (DIESEL) YANG DIGUNAKAN UNTUK BANCuhan RACUN SERANGGA AKAN DIBEKALKAN OLEH MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG BERSERTA JADUAL KERJA HARIAN.</p> <p>(Sila rujuk Bahagian F spesifikasi)</p> | HARI | 20 | | |
| JUMLAH DIBAWA KE RINGKASAN TAWARAN KESELURUHAN DI M.S G/1 | | | | | |

**BAHAGIAN J : MAKLUMAT AM LATAR BELAKANG
PENYEBUT HARGA**

LATAR BELAKANG PENYEBUTHARGA

1. Nama Syarikat :
2. Alamat Syarikat :
.....
.....
3. No. Telefon :
4. Gred :Kategori & Pengkhususan :
Tarikh didaftarkan :
5. Jika berdaftar dengan Bumiputera, nyatakan :
Tarikh kuatkuasa : Tarikh Tamat :
6. Bagi Syarikat Sdn Bhd, nyatakan :
- i) Modal dibenarkan :
 - ii) Modal dibayar :
7. Ahli-ahli Syarikat :
- i) Ahli-ahli Lembaga Pengarah

| Nama | Jawatan | Saham Modal Dipegang |
|------|---------|-------------------------|
| | | |

- ii) Ahli-ahli Pengurusan

| Nama | Jawatan | Kelulusan Akademik/ Iktisas |
|------|---------|--------------------------------|
| | | |

Senarai kerja/perkhidmatan/bekalan yang TELAH dilaksanakan

| Tajuk Kerja | Jabatan/Syarikat Yang Melantik | Harga (RM) | Tarikh Mula Kerja | Tarikh Tamat Kerja |
|-------------|--------------------------------|------------|-------------------|--------------------|
| | | | | |

***(untuk kerja-kerja yang berkaitan sahaja).**

Senarai kerja/perkhidmatan/bekalan yang SEDANG dilaksanakan.

| Tajuk Kerja | Jabatan/Syarikat Yang Melantik | Harga (RM) | Tarikh Mula Kerja | Tarikh Tamat Kerja |
|-------------|--------------------------------|------------|-------------------|--------------------|
| | | | | |